

## Mahasiswa UMP bergotong-royong memasak bubur Asyura



Kuantan, 14 Oktober- Lebih 100 mahasiswa Universiti Malaysia Pahang (UMP) memasak bubur Asyura beramai-ramai sempena menyambut kedatangan tahun baharu Hijrah 1437 hari ini. Program merupakan antara aktiviti yang diadakan sepanjang Expokonvo UMP yang berlangsung hari ini bagi memeriahkan Majlis Konvokesyen UMP Kali ke-10 pada Sabtu dan Ahad ini.

Mahasiswa terdiri daripada ahli Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS), Kelab Sains Kemanusiaan, UMP Rider Club (URC), Persatuan Pelajar Kejuruteraan Kimia (Chest) dan Kelab In-Smartive. Menariknya acara memasak ini dibantu Mazhari Salleh atau Chef Bob dari Legend Hotel dan mendapat kerjasama dengan Kelab Media Pahang.

Acara turut disertai Pemangku Pendaftar UMP, Abd. Rahman hj. Safie, Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN), Dr. Mahyuddin Ismail dan Presiden Kelab Media Pahang, Dato' Nik Naizi Husin.

Dr. Mahyuddin berkata, Asyura maksud hari kesepuluh pada bulan muharram. Kita disunatkan berpuasa pada hari Asyura dan biasanya bubur ini dijadikan juadah berbuka puasa. Penyediaan bubur ini menggunakan 35 kg beras, daging, ubi keledek, ubi kentang dan pelbagai jenis kacang serta rempah ratus.



"Memasak bubur pada hari ini (1 Muharram) adalah untuk meraikan sambutan tahun baharu dan PIMPIN juga menganjurkan Karnival Mahabbah sempena Sambutan tahun baharu Hijrah dengan menjemput personaliti terkenal seperti Adam AF2, Nassir Bilal Khan dalam slot ceramah bertemakan Hijrah," katanya.

Sementara itu sempena Karnival Expokonvo ini pelbagai acara menarik akan berlangsung antaranya Pertandingan Built an Ideal LIFE Competition, Floating Structure Competition, Open Clash of Buskers dan Pertandingan Mewarna Knak-kanak. Karnival Mahabbah juga bakal menampilkan Artis Aina Tasneem, Running, dan Konsert Malam Cinta Ilahi bersama Kumpulan InTeam.



Pengunjung berpeluang bertemu dengan personaliti terkenal dan menghadiri program ilmiah dalam Rakaman TVAlHijrah Bersama 30 Minit Ustaz Don (15 Oktober) dan Kalau Dah Jodoh bersama Ustaz Kazim Elias (16 Oktober) Ustazah Dato' Siti Norbahiyah dan Ustaz Akasyah dalam slot Semanis Kurma (18 Oktober) dan ramai lagi. Terdapat juga sebanyak 68 gerai jualan dan pameran akademik UMP dan agensi kerajaan serta swasta.

Terdapat juga sebanyak 68 gerai jualan dan pameran akademik UMP dan agensi kerajaan serta swasta. Orang ramai berpeluang mendapatkan perkhidmatan percuma seperti servis motosikal, perkhidmatan rawatan pergigian, melunaskan bayaran cukai pintu atau mendapatkan perkhidmatan lain.

Manakala pihak RAPID akan menyediakan kemudahan bas untuk membawa orang ramai dari bandar Kuantan ke UMP mengikut jadual yang akan ditetapkan. Majlis perasmian Expokonvo disempurnakan ahli Lembaga Pengarah UMP, Dato Ahmad Azmey Haji Abu Talib



**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 14-10-2015, 15:59:27